A

SULAIMAN NGARIF & YANG LAIN lwn. AHMAD IKHWAN AHMAD FAUZI & SATU LAGI DAN SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
LAU BEE LAN HMR
HADHARIAH SYED ISMAIL HMR
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
[RAYUAN SIVIL NOS: T-01(NCvC)(W)-594-10-2019
& T-01(NCvC)(W)-603-10-2019]
24 MAC 2022

B

C

Abstrak – *Tuntutan ganti rugi oleh seorang pelajar sekolah berasrama penuh (plaintif) terhadap lima pelajar lain (defendan 1 hingga 5), pengetua dan guru sekolahnya akibat kecederaan yang dialaminya apabila diserang, dipukul dan dibuli oleh defendan 1 hingga 5 harus ditolak kerana ketidakcukupan bukti dan keterangan. Walaupun defendan 1 hingga 5 telah membuat pengakuan salah di Mahkamah Majisteret atas pertuduhan mencederakan plaintif, dan walaupun pengakuan salah itu boleh diterima di bawah s. 21 Akta Keterangan 1950 (AK 1950), itu sahaja tanpa bukti-bukti lain dikemukakan oleh plaintif, berdasarkan s. 31 AK 1950, adalah tidak memadai untuk memutuskan tuntutan dengan berpihak kepada plaintif dan mengaward gantirugi kepadanya. Kecuaian vikarius juga gagal dibuktikan terhadap pengetua dan guru kerana tiada bukti bahawa ketua pengawas dan penolong ketua pengawas, yang dikatakan bersekongkol dengan defendan 1 hingga 5, adalah wakil pentadbiran sekolah, atau tanggungjawab mereka adalah bersambungan dengan tanggungjawab dan tugas guru.*

D

E

F

GANTI RUGI: *Rayuan – Rayuan terhadap award – Ganti rugi am, ganti rugi khas dan ganti rugi teladan – Faktor-faktor yang dipertimbangkan – Sama ada kecederaan dibuktikan – Sama ada award untuk alat pendengaran terlampau tinggi – Sama ada ganti rugi am trauma dan tekanan perasaan dibuktikan – Sama ada award ganti rugi wajar diketepikan*

G

TORT: *Ganti rugi – Liabiliti – Pelajar-pelajar sekolah asrama didakwa menyerang dan membuli seorang pelajar lain – 'Pengakuan bersalah' di Mahkamah Majistret – Sama ada boleh diterima pakai – Sama ada 'pengakuan bersalah' disokong keterangan lain – Sama ada saksi-saksi penting dipanggil – Sama ada kegagalan memanggil saksi menimbulkan anggapan bertentangan terhadap pihak yang mendakwa – Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

H

I

TORT: *Tanggungan vikarius – Liabiliti – Pelajar-pelajar sekolah asrama didakwa menyerang dan membuli seorang pelajar lain – Sama ada pengetua sekolah dan guru bertanggungjawab dan berkewajipan mengawal selia pelajar semasa berada di sekolah – Sama ada serangan terhadap pelajar sepatutnya dipralihat oleh pengetua sekolah dan guru – Sama ada terdapat keadaan mencurigakan dikesan – Sama ada tanggungjawab berhati-hati dibuktikan – Sama ada pengetua sekolah dan guru boleh dipertanggungjawabkan secara vikarius atas perbuatan pelajar-pelajar – Akta Prosiding Kerajaan 1956, ss. 5 & 6*

Responden pertama ('plaintif pertama') dan perayu pertama hingga kelima dalam Rayuan Sivil No. T-01(NCVC)(W)-603-10-2019 ('defendan pertama hingga kelima') adalah pelajar-pelajar sebuah sekolah berasrama penuh dan kesemua mereka tinggal di asrama sekolah itu. Plaintif pertama mendakwa semasa berada di bilik asrama ketua pengawas sekolah itu, dia telah diserang, dipukul dan dibuli oleh defendan pertama hingga kelima. Akibatnya, dia mengalami kecederaan, tekanan perasaan dan trauma. Plaintif pertama juga mendakwa perayu pertama hingga keempat dalam Rayuan Sivil No. T-01(NCVC)(W)-594-10-2019 ('defendan keenam hingga kesembilan') bertanggungan secara vikarius atas perbuatan defendan pertama hingga kelima. Oleh itu, plaintif pertama menuntut ganti rugi terhadap kecederaan yang dialaminya. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') membenarkan tuntutan plaintif. Tidak berpuas hati, defendan-defendan merayu terhadap keseluruhan keputusan itu dan plaintif merayu balas terhadap jumlah kuantum ganti rugi. Isu-isu utama untuk pertimbangan mahkamah adalah: (i) sama ada pengakuan bersalah defendan pertama hingga kelima di Mahkamah Majistret boleh diterima pakai oleh Mahkamah Tinggi; (ii) sama ada plaintif atau defendan yang sepatutnya memanggil ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas sebagai saksi; (iii) sama ada anggapan bertentangan bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta Keterangan') terpakai terhadap defendan-defendan; (iv) sama ada ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pihak pentadbiran, khususnya defendan keenam, guru dan penolong kanan hal ehwal murid, dan defendan ketujuh, pengetua sekolah; (v) sama ada tanggungjawab defendan keenam dan ketujuh bersambungan dengan tanggungjawab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas; dan (vi) sama ada defendan keenam dan ketujuh bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan dan perlanggaran defendan pertama hingga kelima.

Diputuskan (membenarkan rayuan defendan-defendan; menolak rayuan balas plaintif)

Oleh Ahmad Zaidi Ibrahim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Walaupun 'pengakuan bersalah' defendan pertama hingga kelima di Mahkamah Majistret boleh diterima bawah s. 21 Akta Keterangan, namun, HMT terkhilaf apabila bergantung semata-mata pada 'pengakuan bersalah' tersebut apabila mendapati dakwaan serangan

dibuktikan. Selain 'pengakuan bersalah' defendan pertama hingga kelima, keterangan lain yang ada termasuk keterangan pegawai perubatan, SP2 dan SP9. Walau bagaimanapun, keterangan perubatan SP2 dan SP9 bercanggah dan tidak selari dengan keterangan plaintif sendiri. Berdasarkan keterangan, plaintif pertama cedera pada bahagian telinga sahaja dan tiada kecederaan lain dikesan. Oleh itu, keterangan perubatan tersebut tidak menyokong dakwaan plaintif. (perenggan 45, 46 & 50-52)

(2) Sebagai pihak yang membuat dakwaan, beban adalah pada plaintif untuk mengemukakan keterangan untuk menyokong dakwaan tersebut. Oleh itu, pihak yang sepatutnya memanggil ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas sebagai saksi adalah plaintif. Selain pliding dan keterangan plaintif sendiri, tiada bukti sokongan lain dikemukakan plaintif. Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf dari segi undang-undang apabila mengguna pakai anggapan bertentangan bawah s. 114(g) Akta Keterangan terhadap defendan-defendan dan bukan terhadap plaintif atas kegagalan memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas sebagai saksi. (perenggan 60-62 & 67)

(3) Tiada keterangan dikemukakan oleh plaintif untuk membuktikan tanggungjawab seorang ketua pengawas adalah bersambungan dengan tugas defendan keenam dan/atau defendan ketujuh atau ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pentadbiran sekolah. Perkara ini tidak pernah diplidkan oleh plaintif. Oleh itu, HMT terkhilaf dan tersasar daripada pliding plaintif dan dapatan bahawa ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pentadbiran sekolah dan tanggungjawab bersambungan dengan tugas guru, dibuat tanpa asas. (perenggan 69-71)

(4) Defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab dan berkewajipan mengawal selia pelajar sekolah semasa mereka berada di sekolah, namun, tahap seliaan bergantung pada keadaan setiap kes. Selain mendapati warden cuai kerana tidak memeriksa dalam bilik ketua pengawas, fakta-fakta lain tidak dipertimbangkan oleh HMT, antara lain: (i) kejadian yang didakwa berlaku dalam bilik ketua pengawas semasa 'lights off' dan semasa waktu tidur semua pelajar; dan (ii) tiada bunyi bising atau jeritan oleh plaintif sepanjang kejadian malam itu, yang boleh menarik perhatian orang lain. Dalam keadaan biasa apabila tiada perkara mencurigakan dapat dikesan, tidak munasabah untuk mana-mana guru/warden masuk dan memeriksa bilik ketua pengawas. Oleh itu, tidak munasabah dan tidak logik untuk merumuskan dan memutuskan bahawa serangan atas plaintif pertama dapat dipralihat oleh defendan keenam dan ketujuh kerana kejadian tersebut berlaku di bilik ketua pengawas. Plaintif, oleh itu, gagal membuktikan tanggungjawab berhati-hati. (perenggan 79-83)

(5) Sekiranya plaintif berjaya membuktikan kecederaan yang dialaminya adalah akibat serangan dan pukulan defendan pertama hingga kelima sekalipun, berdasarkan peruntukan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956, jelas bahawa defendan kelapan dan kesembilan tidak boleh dipertanggungjawabkan secara vikarius atas perbuatan defendan pertama hingga kelima, yang bukan penjawat awam bawah Akta itu. (perenggan 84)

(6) Oleh sebab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas didakwa bersubahat mencederakan plaintif pertama, mereka sepatutnya dijadikan defendan dalam guaman ini. Atas imbangan kebarangkalian, plaintif gagal membuktikan tuntutannya, dengan itu, rayuan defendan pertama hingga kelima berhubung liabiliti dibenarkan. Defendan keenam hingga kesembilan berjaya menunjukkan bahawa HMT telah melakukan 'appealable error' untuk mewajarkan campur tangan rayuan. Oleh itu, rayuan defendan keenam hingga kesembilan berhubung liabiliti juga dibenarkan. (perenggan 63, 87 & 89)

(7) Berkaitan dengan ganti rugi dan kuantum: (i) jumlah award RM252,000 untuk alat pendengaran diketepikan dan digantikan dengan RM84,000 setelah mengambil kira faktor *contingency*; (ii) ganti rugi am trauma dan tekanan perasaan diketepikan kerana gagal dibuktikan; (iii) ganti rugi untuk kecederaan rahang sejumlah RM20,000 digantikan dengan jumlah RM5,000; (iv) ganti rugi teladan diketepikan; (v) rayuan balas terhadap ganti rugi teruk tidak bermerit dan ditolak kerana tiada bukti tindakan menindas, arbitrari atau *unconstitutional* atau *outrageous conduct* pada pihak defendan keenam dan ketujuh; dan (vi) ganti rugi khas berjumlah RM4,634.20 dibenarkan. (perenggan 90-96)

English *Headnotes*

The first respondent ('first plaintiff') and the first to fifth respondents in Civil Appeal No. T-01(NCVC)(W)-603-10-2019 ('first to fifth defendants') were students at a boarding school and all of them stayed at the school hostel. The first plaintiff alleged that while he was in the hostel room of the head prefect of the school, he suffered assault and battery and was bullied by the first to fifth defendants. As a result, he suffered injuries, depression and trauma. The first plaintiff also alleged that the first to fourth appellants in Civil Appeal No. T-01(NCVC)(W)-594-10-2019 ('first to fourth defendants') were vicariously liable for the first to fifth defendants' actions. Hence, the first plaintiff claimed for damages for the injuries suffered. The High Court Judge ('HCJ') allowed the plaintiff's claim. Dissatisfied, the defendants appealed against the whole decision whilst the plaintiffs cross-appealed against the quantum of damages. The primary issues for the court's consideration were: (i) whether the first to fifth defendants' plea of guilty at the Magistrate's Court admissible at the High Court; (ii) whether it was the plaintiffs or the

defendants who should have called the head prefect and/or the assistant head prefect as the witness; (iii) whether the adverse inference under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 ('Evidence Act') applicable against the defendants; (iv) whether the head prefect and the assistant head prefect were the representatives of the school administration, in particular, of the sixth defendant, a teacher and senior assistant in-charge of the students' affairs, and the seventh defendant, the school principal; (v) whether the sixth and seventh defendants' responsibilities were continuation from the head prefect and/or the assistant head prefect's responsibilities; and (vi) whether the sixth and seventh defendants' vicariously liable for the first to fifth defendants' action and breaches.

Held (allowing defendants' appeals; dismissing plaintiffs' cross-appeal)
Per Ahmad Zaidi Ibrahim JCA delivering the judgment of the court:

(1) While the first to fifth defendants' guilty plea at the Magistrate's Court was admissible under s. 21 of the Evidence Act, the HCJ however, erred in relying merely on the guilty plea in finding that assault was established. Apart from the first to fifth defendants' guilty plea, the other evidence included the testimony of the medical officers, SP2 and SP9. However, the medical evidence of SP2 and SP9 were contradictory and inconsistent with the evidence of the plaintiff himself. Based on the evidence, the only injury suffered by the first plaintiff was on his ears and there were no other injuries detected. Therefore, the medical evidence did not corroborate the plaintiffs' allegations.

(2) As the party making the allegations, the burden was on the plaintiff to adduce evidence to corroborate the allegations. Therefore, the party who ought to have called the head prefect and/or the assistant head prefect as a witness was the plaintiff. Apart from the pleadings and the evidence of the plaintiff himself, there was no other corroborating evidence presented by the plaintiff. The HCJ erred in law in applying the adverse inference under s. 114(g) of the Evidence Act against the defendants and not against the plaintiff on his failure to call the head prefect and the assistant head prefect as the witnesses.

(3) The plaintiff did not adduce any evidence to establish that the responsibility of a head prefect was a continuation of the sixth and/or seventh defendants' responsibility or that the head prefect and the assistant head prefect were the representatives of the school administration. This matter was never pleaded by the plaintiff. Therefore, the HCJ erred and deviated from the plaintiff's pleadings and the findings that the head prefect and the assistant head prefect were the representatives of the school administration, and their responsibilities were a continuation of the teachers', were unfounded.

(4) The sixth and seventh defendants were responsible and under the duty in the regulation of the students while they are in the school, but the level of the management depended on the circumstances of each case. Apart from finding the warden was negligent for failing to inspect the head prefect's room, other factors were not considered by the HCJ, *inter alia*: (i) the incident allegedly occurred in the head prefect's room while the lights were off and while all the students were asleep; and (ii) there was no noise or screaming sound by the plaintiff throughout the night, which could have attracted the attention of others. In an ordinary situation, when nothing suspicious is noticed, it is unreasonable for any teacher/warden to enter and inspect the head prefect's room. Therefore, it was unreasonable and illogical to conclude and hold that the assault against the first plaintiff was foreseeable by the sixth and seventh defendants as the incident happened in the head prefect's room. The plaintiff, therefore, failed to establish the duty of care.

(5) Even if the plaintiff was successful in establishing that the injuries suffered were the result of the assault and battery of the first to fifth defendants, based on the provisions of ss. 5 and 6 of the Government Proceedings Act 1956, it was clear that the eighth and ninth defendants could not be held vicariously liable for the action of the first to fifth defendants, who were not public servants under the Act.

(6) As the head prefect and the assistant head prefect were alleged to have conspired in assaulting the first plaintiff, they ought to have been made the defendants in this suit. On the balance of probabilities, the plaintiffs failed to prove his claim, and therefore, the first to fifth defendants' appeal as regard to liability was allowed. The sixth to ninth defendants had established that the HCJ had committed an appealable error warranting the appellate interference. Therefore, the sixth to ninth defendants' appeal as regard to liability was also allowed.

(7) With regard to the damages and quantum: (i) the award of RM252,000 for the hearing aid was set aside and substituted with RM84,000 after taking into consideration the contingency; (ii) general damages for trauma and depression was set aside as it was not proven; (iii) damages for the injuries to the jaw amounting to RM20,000 was substituted with the amount of RM5,000; (iv) exemplary damages was set aside; (v) cross-appeal against the aggravated damages was without merit and hence, dismissed as there was no proof of oppressive, arbitrary or unconstitutional or outrageous conduct on the part of the sixth and seventh defendants; and (vi) special damages amounting to RM4,634.20 was allowed.

Kes-kes yang dirujuk:

CGU Insurance Bhd v. Asean Security Paper Mills Sdn Bhd [2006] 2 CLJ 409 CA ***(dirujuk)***

Datuk Seri Panglima Mohd Sari Datuk Hj Nuar v. Vee Seng Development Sdn Bhd & Ors [2009] 6 CLJ 102 CA ***(dirujuk)***

Dr Hari Krishnan & Anor v. Megat Noor Ishak Megat Ibrahim & Anor And Another Appeal [2018] 3 CLJ 427 FC ***(dirujuk)***

Government Of Malaysia & Ors v. Jumat Mahmud & Anor [1977] 1 LNS 29 FC ***(dirujuk)***

Mohd Raihan Ibrahim & Anor v. The Government of Malaysia & Ors [1982] CLJ 150; [1982] CLJ (Rep) 232 FC ***(dirujuk)***

Nurul Atikah Mustafa Kamal v. Nurazlina Suriani Zulkifly & Ors [2019] 9 CLJ 395 HC ***(dirujuk)***

Ong Tua Chor v. Lee Beng Tong [1975] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***

Re Hardjo Seokatma (Deceased) [1989] 3 MLJ Ixxvii ***(dirujuk)***

Rookes v. Barnard & Others [1964] AC 1129 ***(dirujuk)***

Sambaga Valli K R Ponnusamy v. Datuk Bandar Kuala Lumpur & Ors & Another Appeal [2017] 1 LNS 500 CA ***(dirujuk)***

Sin Heap Lee-Marubeni Sdn Bhd v. Yip Shou Shan [2004] 4 CLJ 35 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 67
Evidence Act 1950, ss. 21, 31, 43, 114(g)
Government Proceedings Act 1956, ss. 5, 6

[Rayuan Sivil No: T-01(NCVC)(W)-594-10-2019]

Bagi pihak perayu pertama, kedua, ketiga & keempat - Zureen Elina Mohd Dom & Mohd Khairulhazman Ghazali; Jabatan Persekutuan Negara

Bagi pihak responden pertama & kedua - Hisham Yusof, Wan Azliana Wan Adnan & Nik Nur Syazwani Nik Suhaimi; T/n WA Wan Adnan & Assocs

[Rayuan Sivil No: T-01(NCVC)(W)-603-10-2019]

Bagi pihak perayu pertama, kedua, ketiga, keempat & kelima - Nik Mohd Radhia Nik Abdul Ghani, Wan Solehah Wan Mohamad & Mat Zaidan Ali; T/n WM Haidi & Assocs

Bagi pihak responden pertama & kedua - Hisham Yusof, Wan Azliana Wan Adnan & Nik Nur Syazwani Nik Suhaimi; T/n WA Wan Adnan & Assocs

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Ahmad Zaidi Ibrahim HMR:

Pengenalan

[1] Pihak-pihak dirujuk sepertimana mereka di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dalam perbicaraan kes Writ Saman No. TA-21NCVC-3-04-2017.

[2] Melalui Writ Saman No. TA-21NCVC-3-04-2017 tersebut plaintif pertama menuntut ganti rugi atas kecederaan yang beliau alami akibat diserang/dipukul oleh defendan pertama hingga kelima dan ekoran kecuaian defendan keenam hingga kesembilan yang gagal menghalang berlakunya kejadian serangan tersebut.

[3] Selepas perbicaraan penuh, pada 29 September 2019 Mahkamah Tinggi mengawardkan tuntutan plaintif. YA Hakim telah membenarkan ganti rugi am, khas dan teladan.

[4] Defendan-defendan dan plaintif yang tidak berpuas hati, masing-masing merayu dan merayu balas terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Defendan-defendan merayu terhadap keseluruhan keputusan, manakala plaintif pula, merayu balas terhadap jumlah kuantum ganti rugi yang diawardkan. Rayuan No: T-01(NCvC)(W)-594-10-2019 (Rayuan No. 594) adalah rayuan oleh defendan keenam hingga kesembilan. Rayuan No: T-01 (NCVC)(W)-603-10-2019 (Rayuan No. 603) adalah rayuan oleh defendan pertama hingga kelima. Rayuan balas plaintif adalah di kandungan 18 dalam Rayuan No. 594.

[5] Bagi tujuan alasan penghakiman ini, mahkamah mengguna pakai dan merujuk kepada rekod rayuan/kertas kausa dalam Rayuan No. 594.

Writ Saman No. TA-21 NCVC-3-04-2017

Latar belakang

[6] Plaintif pertama mendakwa telah diserang, dipukul (assault and battery) dan dibuli oleh defendan pertama hingga kelima. Plaintif mendakwa defendan keenam sehingga kesembilan pula telah cuai (negligent) kerana gagal menjaga keselamatan plaintif pertama sebagai pelajar di bawah jagaan dan pengawasan mereka. Secara keseluruhannya, defendan mempertikaikan dan menafikan dakwaan/tuntutan plaintif.

Tuntutan Plaintif

[7] Pada setiap masa yang material, plaintif pertama dan defendan pertama hingga kelima adalah pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (Sekolah SESMA) Kuala Terengganu, sebuah sekolah berasrama penuh. Kesemua mereka tinggal di asrama sekolah tersebut.

[8] Defendan keenam adalah guru dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) sekolah tersebut. Defendan ketujuh adalah pengetua sekolah tersebut pada masa material. Defendan kelapan dan kesembilan adalah majikan mereka.

[9] Plaintif pertama mendakwa semasa berada di bilik asrama ketua pengawas, sekolah SESMA beliau telah diserang, dipukul dan dibuli oleh defendan pertama hingga kelima. Kejadian tersebut berlaku antara jam 10.40 malam 26 April 2015 sehingga jam 2 pagi 27 April 2015. Butir-butir kejadian adalah sepertimana yang diplidkan di perenggan 19 pernyataan tuntutan. Plaintif mendakwa akibat daripada perbuatan defendan pertama hingga kelima tersebut, beliau mengalami kecederaan, tekanan perasaan dan trauma.

[10] Plaintif mendakwa defendan keenam hingga kesembilan bertanggungan secara 'vikarius' ke atas perbuatan defenden pertama hingga kelima tersebut. Susulan itu, plaintif menuntut daripada defendan pertama hingga kesembilan relif-relif berikut:

(i) ganti rugi am dan ganti rugi khas;

(ii) faedah seperti berikut:

(a) 4% setahun ke atas ganti rugi khas tersebut dari tarikh kejadian iaitu, 26 April 2015 hingga tarikh penghakiman;

(b) 8% setahun ke atas ganti rugi khas dan am tersebut dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh;

(iii) ganti rugi teladan sebanyak RM1,000,000 dan faedah;

(iv) ganti rugi teruk/melampau (aggravated damages) sebanyak RM1,000,000 dan faedah;

(v) kos tindakan ini; dan

(vi) lain-lain relief yang mahkamah fikirkan adil dan perlu.

Pembelaan Defendan Pertama hingga Kelima

[11] Pembelaan defendan pertama dan ketiga secara terperinci adalah sepertimana "pernyataan pembelaan defendan pertama dan ketiga" (rekod rayuan (jilid 1) [bahagian 'A'] ms. 26-30). Pembelaan defendan kedua dan keempat pula adalah sepertimana "pernyataan pembelaan defendan kedua dan keempat" bertarikh 5 Jun 2017 (rekod rayuan (jilid 1) [bahagian 'A'] ms. 32-35). Manakala, pembelaan defendan kelima adalah di 'pernyataan pembelaan defendan kelima" bertarikh 30 April 2017 (rekod rayuan (jilid 1) [bahagian 'A'] ms. 36-39).

[12] Secara ringkasnya, dalam pembelaan mereka, defendan pertama hingga kelima memplidkan bahawa:

(i) Mereka mengakui berada di bilik ketua pengawas tetapi menafikan menyerang dan mencederakan plaintif pertama; dan

(ii) Mereka mendakwa telah ke bilik ketua pengawas pada malam tersebut untuk menjelaskan berkenaan kes buli antara plaintif dan pelajar lain.

Pembelaan Defendan Keenam Hingga Kesembilan

[13] Pembelaan defendan keenam hingga kesembilan secara terperinci adalah sepertimana "pembelaan defendan keenam, defendan ketujuh, defendan kelapan dan defendan kesembilan" bertarikh 6 Jun 2017 (rekod rayuan (jilid 1) [bahagian 'A'] ms. 40-48). Secara ringkas, dalam pembelaan mereka:

(i) defendan keenam dan ketujuh mengakui mempunyai tanggungjawab ke atas plaintif pertama tetapi tanggungjawab tersebut adalah setakat yang munasabah sahaja. Mereka mendakwa telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang sepatutnya;

(ii) defendan kelapan bukan majikan dan prinsipal kepada defendan keenam dan ketujuh;

(iii) defendan keenam hingga kesembilan hanya mendapat tahu tentang kejadian pada 29 April 2015;

(iv) defendan keenam hingga kesembilan hanya bertanggungan secara vikarious dalam keadaan di bawah ss. 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956; dan

(v) tanggungjawab ketua pengawas tidak bersambungan dengan tanggungjawab defendan keenam hingga kesembilan.

Keputusan Mahkamah Tinggi

Liabiliti

[14] YA Hakim mendapati plaintif berjaya membuktikan tuntutan dan susulan itu telah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama hingga kesembilan.

Kuantum Ganti rugi

[15] Bagi ganti rugi, YA Hakim membenarkan permohonan (prayers) serta jumlah berikut:

(i) ganti rugi am - RM422,000;

(ii) ganti rugi khas - RM4,643.20;

(iii) ganti rugi teladan - RM120,000;

(iv) faedah; dan

(v) kos RM10,000 keatas setiap defendan.

[16] YA Hakim menolak tuntutan bagi ganti rugi teruk.

Dapatan Mahkamah Tinggi Berhubung Liabiliti

[17] YA Hakim membenarkan tuntutan plaintif berdasarkan dapatan berikut:

(i) Dapatan terhadap defendan pertama hingga kelima:

(a) Ketua pengawas dan penolong ketua pengawas telah bersekongkol dan bersubahat dengan defendan pertama hingga kelima dalam mencederakan plaintif pertama. (perenggan 17 alasan penghakiman [kandungan 18] dirujuk).

(b) Pengakuan bersalah defendan pertama hingga defendan kelima di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu atas tuduhan mencederakan plaintif pertama membuktikan dakwaan plaintif pertama benar-benar berlaku (perenggan 20 alasan penghakiman [kandungan 18] dirujuk).

(c) Ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah saksi penting/material.

(d) Beban terletak di atas defendan-defendan untuk memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas. Kegagalan mereka untuk memanggil saksi-saksi tersebut membolehkan anggapan bertentangan (adverse inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dipakai terhadap mereka (perenggan 21 alasan penghakiman [kandungan 18] dirujuk).

[18] Atas dapatan fakta dan undang-undang di atas, YA Hakim memutuskan plaintif berjaya membuktikan bahawa defendan pertama hingga kelima telah menyerang dan mencederakan beliau pada tarikh dan masa dan di tempat kejadian (perenggan 17 alasan penghakiman bertarikh 7 Jun 2020 [kandungan 18] dirujuk).

(ii) Dapatan terhadap defendan keenam dan ketujuh:

(a) Tanggunganjawab ketua pengawas adalah bersambungan dengan tanggungjawab guru (defendan keenam dan ketujuh).

(b) Oleh itu, defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab atas tindakan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas ke atas plaintif pertama (perenggan 18 alasan penghakiman [kandungan 18] dirujuk).

(c) Ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pihak pentadbiran SESMA dan mereka telah bersekongkol dan bersubahat dengan defendan pertama hingga kelima dalam mendatangkan kecederaan ke atas plaintif pertama.

(d) Ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah merupakan saksi yang material.

(e) Beban memanggil saksi tersebut (ketua pengawas dan penolong ketua pengawas) terletak di atas defendan. Defendan keenam dan ketujuh gagal memanggil mereka untuk menyangkal apa yang didakwa oleh plaintif pertama. Kegagalan berbuat sedemikian membolehkan mahkamah mengguna pakai anggapan bertentangan (adversed inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap mereka (perenggan 19 dan 21 alasan penghakiman [kandungan 18] dirujuk).

[19] Atas dapatan fakta dan undang-undang tersebut di atas, YA Hakim mendapati plaintif berjaya membuktikan tuntutan ke atas defendan keenam dan ketujuh.

(iii) Dapatan terhadap defendan kelapan dan kesembilan:

(a) defendan kelapan dan kesembilan adalah majikan dan prinsipal kepada defendan keenam dan ketujuh dan dengan itu turut mempunyai kewajipan berjaga-jaga (duty of care) bagi menjaga keselamatan pelajar di Sekolah SESMA (perenggan 27 alasan penghakiman (kandungan 18) dirujuk).

(b) Oleh kerana defendan keenam dan ketujuh bertanggungan terhadap kecederaan yang dilakukan oleh defendan pertama hingga kelima ke atas plaintif pertama, mereka turut bertanggungan secara vikarius (vicariously liable).

[20] Atas dapatan fakta dan undang-undang tersebut di atas, YA Hakim mendapati plaintif berjaya membuktikan tuntutan ke atas defendan kelapan dan kesembilan.

Hujahan Pihak-pihak Di Peringkat Rayuan

Beban Untuk Memanggil Saksi Dan Pemakaian Seksyen 114(g)

[21] Menurut YA Hakim beban terletak pada defendan-defendan untuk memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas sebagai saksi mereka dan kegagalan berbuat demikian mewajarkan mahkamah mengguna pakai anggapan bertentangan (adversed inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap mereka.

[22] Peguam dan Peguam Kanan Persekutuan (PKP) bagi defendan-defendan berhujah, YA Hakim terkhilaf dalam dapatan dan keputusan berhubung isu di atas kerana beban untuk memanggil saksi-saksi tersebut terletak pada bahu plaintif. Atas alasan dan hujahan itu, keputusan YA Hakim adalah tidak selamat dan wajar diusik dan diketepikan oleh mahkamah ini.

[23] Sebaliknya, peguam plaintif berhujah bahawa YA Hakim tidak terkhilaf dalam mengguna pakai anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap defendan-defendan. Oleh kerana defendan-defendan mengaku berada bersama dalam bilik ketua pengawas, maka merekalah yang sepatutnya memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas untuk menyokong penyataan mereka tersebut.

Pengakuan Bersalah Defendan Pertama Hingga Kelima

[24] Peguam defendan pertama hingga kelima berhujah bahawa YA Hakim terkhilaf dalam menerima pengakuan bersalah defendan pertama hingga kelima sebagai bukti yang membuktikan dakwaan/tuntutan plaintif. Peguam merujuk s. 43 Akta Keterangan 1950. Peguam berhujah s. 43 tersebut menegah penggunaan 'sabitan' kes jenayah dalam membuktikan kes sivil.

[25] Sebaliknya, peguam plaintif berhujah YA Hakim tidak terkhilaf dalam mengambil kira pengakuan bersalah defendan pertama hingga kelima tersebut sebagai bukti/keterangan. Peguam berhujah pengakuan bersalah tersebut adalah relevan dan boleh diterima pakai (admissible) kerana apa yang dirujuk dan diterima oleh YA Hakim adalah 'pengakuan bersalah' (plea of guilty) dan bukan sabitan (conviction). Peguam merujuk kepada s. 21 Akta Keterangan 1950 dan berhujah, dalam keadaan tersebut di atas, s. 43 Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai (kes *Ong Tua Chor v. Lee Beng Tong* [1975] 1 LNS 116; [1976] 1 MLJ 187 juga dirujuk).

Kegagalan Mempertimbangkan Keseluruhan Keterangan

[26] PKP berhujah bahawa YA Hakim gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam memutuskan adanya kecuaian di pihak defendan kelima hingga kesembilan. YA Hakim gagal menimbang keterangan saksi defendan-defendan iaitu, SD11, SD12 dan SD14 yang menegaskan bahawa langkah-langkah yang munasabah dan wajar (reasonable and proper steps) telah diambil oleh sekolah SESMA bagi memantau, mengawal dan menyelia keselamatan dan hal ehwal pelajar (perenggan 22 alasan penghakiman [kandungan 18] dirujuk).

[27] PKP berhujah, YA Hakim juga gagal untuk memberi pertimbangan kepada fakta bahawa kejadian yang berlaku adalah suatu yang tidak dapat dipralihat dengan munasabah (unforeseeable) oleh defendan keenam dan ketujuh. PKP berhujah kejadian serangan/pukul/buli yang didakwa tersebut tidak boleh dijangka berlaku dalam keadaan kes ini (keputusan kes *Government Of Malaysia & Ors v. Jumat Mahmud & Anor* [1977] 1 LNS 29; [1977] 2 MLJ 103 dirujuk).

[28] Sebaliknya, peguam plaintif berhujah bahawa YA Hakim tidak terkhilaf dalam mendapati kegagalan warden bertugas (SD13) untuk memeriksa bilik ketua pengawas pada malam kejadian adalah satu perlanggaran tanggungjawab dan satu kecuaian kerana sekiranya SD13 memeriksa bilik tersebut pada malam kejadian sudah tentu kejadian serangan, pukul dan buli tersebut akan diketahui dan plaintif pertama tidak akan mengalami kecederaan.

Tanggungjawab Vikarius Defendan Ketujuh Hingga Kesembilan

[29] PKP berhujah YA Hakim terkhilaf dalam memutuskan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pentadbiran Sekolah SESMA dan tanggungjawab mereka adalah bersambungan dengan tugas guru. PKP berhujah tiada keterangan berhubung perkara tersebut dikemukakan. YA Hakim juga terkhilaf dalam mendapati defendan keenam dan ketujuh bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan defendan pertama hingga kelima di bawah ss. 5 dan 6 Akta Presiding Kerajaan 1956 sedangkan mereka berlima bukanlah penjawat awam.

[30] Sebaliknya, peguam terpelajar plaintif berhujah YA Hakim telah memberikan pertimbangan sewajarnya kepada keterangan yang dikemukakan saksi-saksi plaintif dan defendan. Menurut peguam, kredibiliti saksi plaintif gagal dicabar. Oleh itu, peguam berhujah rayuan defendan-defendan hendaklah ditolak dan keputusan YA Hakim berhubung liabiliti hendaklah dikekalkan.

Hujahan Berhubung Ganti Rugi/Kuantum:

Kos Alat Pendengaran

[31] Bagi kos alat pendengaran berjumlah RM252,000 yang dibenarkan oleh YA Hakim, peguam plaintif merujuk kepada keterangan pakar (SP5), laporan pakar dan sebut harga yang dikemukakan. defendan tidak memfailkan sebarang laporan/sebut harga mereka untuk mencabar laporan/sebut harga plaintif tersebut. Oleh itu, menurut peguam jumlah tersebut wajar dikekalkan.

[32] Sebaliknya, peguam dan PKP bagi defendan berhujah ianya gagal dibuktikan dan ianya sepatutnya ditolak. Peguam/PKP berhujah plaintif hanya memanggil pembekal alat pendengaran (SP7) namun tiada sebarang bukti pembelian dikemukakan. Tidak dibuktikan alat tersebut perlu ditukar tiga tahun sekali. Tindak tanduk dan keupayaaan plaintif pertama yang mampu mendengar dan menjawab semua soalan yang diajukan oleh peguam dan oleh mahkamah sepanjang perbicaraan dengan jelas tanpa memerlukan alat pendengaran atau bantuan pihak ketiga/jurubahasa, membuktikan beliau tidak memerlukan alat bantuan pendengaran tersebut. Secara alternatif, peguam defendan/PKP berhujah bahawa jumlah award yang dibenarkan adalah terlampau tinggi (manifestly excessive).

[33] Bagi ganti rugi am bagi trauma dan tekanan/stress sebanyak RM100,000 yang diawardkan, peguam plaintif berhujah jumlah award adalah rendah dan tidak memadai. Menurut peguam, jumlah munasabah adalah RM500,000. Sebaliknya, PKP berhujah balas bahawa ganti rugi tersebut sepatutnya ditolak keseluruhannya kerana ianya juga gagal dibuktikan. Plaintif hanya mendapat kaunseling dan bukan rawatan psikiatri. Pegawai psikologi (SP6) hanya memeriksa plaintif pertama sekali sahaja. Tiada pemeriksaan susulan (follow-up session) dilakukan. Laporan dan pemeriksaan menunjukkan keadaan mental plaintif adalah normal.

Ganti Rugi Am Bagi Kecederaan Muka (Rahang)

[34] Peguam/PKP berhujah YA Hakim terkhilaf dalam membenarkan ganti rugi am bagi kecederaan muka (rahang) berjumlah RM20,000 sedangkan tiada keterangan kecederaan tersebut dikemukakan. Menurut PKP, kecederaan pada bahagian muka yang dikemukakan hanyalah bahagian telinga dan untuk kecederaan telinga tersebut sejumlah RM50,000 telah diawardkan. Menurut PKP, jumlah RM50,000 tersebut adalah wajar dan munasabah, sebagai alternate, PKP berhujah seandainya ganti rugi diberikan bagi kecederaan rahang, jumlahnya tidak sepatutnya melebihi RM5,000.

Ganti Rugi Teladan

[35] Bagi ganti rugi teladan pula, peguam plaintif berhujah jumlah award RM120,000 adalah terlampau rendah dan tidak munasabah. Peguam berhujah jumlah ganti rugi yang diberikan bagi tuntutan ini perlu menjadi 'deterrent' kepada orang awam. Peguam berhujah jumlah yang munasabah adalah RM500,000 (award dalam kes-kes *Sambaga Valli K R Ponnusamy v. Datuk Bandar Kuala Lumpur & Ors & Another Appeal* [2017] 1 LNS 500; [2017] MLRAU 1, *Sin Heap Lee-Marubeni Sdn Bhd v. Yip Shou Shan* [2004] 4 CLJ 35; [2004] 2 MLRA 2 dan *Dr Hari Krishnan & Anor v. Megat Noor Ishak Megat Ibrahim & Anor And Another Appeal* [2018] 3 CLJ 427; [2018] 1 MLRA 535 dirujuk).

[36] PKP berhujah YA Hakim terkhilaf dalam membenarkan tuntutan tersebut dan sepatutnya ditolak. Hujahan balas untuk menaikkan jumlah kepada RM500,000 adalah tidak bermerit. Plaintif gagal memenuhi kehendak/intipati bagi ganti rugi teladan.

Ganti Rugi Teruk

[37] Bagi ganti rugi teruk, peguam plaintif berhujah, YA Hakim telah khilaf dalam menolak tuntutan tersebut dan memohon jumlah RM1,000,000 yang dituntut supaya dibenarkan. Tiada keadaan/perbuatan menindas (oppressive), 'arbitrary' atau 'unconstitutional' dibuktikan. Tiada 'outrages conduct' di pihak defendan keenam dan ketujuh. Menurut PKP dalam memberikan ganti rugi, YA Hakim mengambil kira faktor yang salah iaitu, tindakan oleh sekolah SESMA menggantung dan membuang sekolah defendan pertama hingga kelima.

[38] Oleh itu, rayuan balas plaintif untuk menambah jumlah award bagi ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk (aggravated damages), yang ditolak oleh YA Hakim adalah tidak bermerit.

Isu-Isu

[39] Berdasarkan pliding pihak-pihak dan keterangan yang dikemukakan, isu-isu utama untuk diputuskan adalah:

(i) Adakah pengakuan bersalah defendan pertama hingga kelima di Mahkamah Majistret bagi kes KT: 85-08-04-2016 boleh diterima pakai oleh mahkamah?

(ii) Siapakah yang sepatutnya memanggil ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas sebagai saksi-plaintif atau defendan?

(iii) Adakah anggapan bertentangan (adversed inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap defendan-defendan?

(iv) Adakah ketua pengawas dan penolong ketua pengawas merupakan wakil pihak pentadbiran khususnya, defendan keenam dan ketujuh?

(v) Adakah tanggungjawab defendan keenam dan ketujuh bersambungan dengan tanggungjawab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas? A

(vi) Adakah defendan keenam dan ketujuh bertanggungan secara vikarious terhadap perbuatan dan perlanggaran oleh defendan pertama hingga kelima? B

Keputusan Mahkamah Ini Di Peringkat Rayuan

[40] Prosiding rayuan oleh Mahkamah Rayuan adalah secara bicara semula (rehearing), sepertimana yang diperuntukkan oleh s. 67 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (keputusan kes *Datuk Seri Panglima Mohd Sari Datuk Hj Nuar v. Vee Seng Development Sdn Bhd & Ors* [2009] 6 CLJ 102; [2009] 6 MLJ 1 antara lain juga dirujuk). C

[41] Selaras dengan prinsip tersebut di atas, setelah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan sepertimana dalam rekod rayuan dan setelah menimbang hujahan lisan dan bertulis peguam dan PKP, kami secara sebulat suara mendapati terdapat merit dalam rayuan defendan-defendan dan dengan itu, kami membenarkan rayuan mereka (Rayuan No. 594 dan Rayuan No. 603). D

[42] Kami memutuskan sepertimana di atas, atas alasan dan dapatan berikut: E

Keputusan Mahkamah Berhubung Liabiliti

Liabiliti Defendan Pertama Hingga Kelima

[43] Bagi liabiliti terhadap defendan pertama hingga kelima, kami memutuskan isu-isu di perenggan 39 di atas sepertimana berikut: F

Isu (i):

> Adakah pengakuan bersalah defendan pertama hingga kelima di Mahkamah Majistret bagi kes KT: 85-08-04-2016 boleh diterima pakai oleh mahkamah? G

[44] Perlu ditekankan bahawa YA Hakim membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama hingga kelima berlandaskan 'pengakuan bersalah' mereka berlima yang diterima pakai (admitted) oleh YA Hakim. Di perenggan 20 alasan penghakiman beliau, YA Hakim membuat dapatan berikutnya: H

> 20. Oleh kerana kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima telah membuat pengakuan bersalah sewaktu di hadapan Mahkamah Majistret, maka pengakuan bersalah tersebut adalah mengikat kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima yang mana mereka telah mengaku mencederakan dan membuli plaintif pada tarikh dan masa kejadian. *Oleh kerana tiada rayuan dibuat ke Mahkamah Tinggi akan keputusan tersebut, maka pengakuan bersalah defendan-defendan pertama hingga kelima adalah muktamad dan mengikat. Ini juga bermakna bahawa defendan-defendan* I

pertama hingga kelima adalah bertanggungan di atas segala perbuatan yang telah dilakukan terhadap Plaintif di Bilik Ketua Pengawas dan Penolong Ketua Pengawas.

(penekanan ditambah)

[45] Setelah menimbang perkara/isu di atas, berhubung s. 43 Akta Keterangan 1950 yang dihujahkan oleh peguam defendan sebagai tidak terpakai kerana tiada sabitan (conviction) direkodkan, kami mendapati YA Hakim tidak pernah merujuk kepada peruntukan tersebut dalam penghakiman beliau. Apa yang dirujuk dan diterima pakai oleh beliau adalah 'pengakuan bersalah' defendan pertama hingga kelima. 'Pengakuan bersalah' sedemikian boleh diterima di bawah s. 21 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan bahawa:

Admissions are relevant and may be proved as against the person who makes them or his representative in interest

[46] Oleh itu, kami mendapati YA Hakim tidak terkhilaf dalam menerima pakai 'pengakuan bersalah' tersebut. Namun, walaupun 'pengakuan bersalah' boleh diterima di bawah s. 21 Akta Keterangan 1950 dalam kes kita ini sekalipun, berdasarkan keterangan secara keseluruhan, kami mendapati YA Hakim telah terkhilaf apabila beliau bergantung semata-mata kepada 'pengakuan bersalah' defendan berlima tersebut dalam mendapati dakwaan serangan telah dibuktikan.

[47] Pada hemat kami, 'pengakuan bersalah' walaupun satu keterangan yang 'admissible', keterangan tersebut semata-mata adalah tidak memadai/mencukupi untuk membuktikan suatu tuntutan/dakwaan. Ini diperuntukkan di bawah s. 31 Akta Keterangan 1950 yang berbunyi:

Admissions are not conclusive proof of the matter admitted, but they may operate as estoppel under the provisions hereinafter contained.

(penekanan ditambah)

[48] Juga dalam kes *Re Hardjo Seokatma (deceased)* [1989] 3 MLJ Ixxvii (High Court of Singapore) yang dirujuk oleh peguam defendan, mahkamah memutuskan bahawa:

A plea of guilty is not to be regarded as conclusive. and that it is open to the person who had pleaded to explain, in a subsequent civil trial, why he had so pleaded.

(penekanan ditambah)

[49] Berdasarkan prinsip undang-undang di atas, kami mendapati YA Hakim telah melakukan kekhilafan dalam mendapati dan memutuskan bahawa plaintif pertama telah membuktikan dakwaan beliau diserang dan dicederakan oleh defendan pertama hingga kelima dengan bergantung kepada 'pengakuan bersalah' mereka di Mahkamah Majistret semata-mata.

[50] Selain 'pengakuan bersalah' defendan pertama hingga kelima tersebut, keterangan lain yang ada untuk dipertimbang/dinilai oleh mahkamah termasuklah keterangan plaintif pertama sendiri dan keterangan pegawai perubatan. Jika ditolak 'pengakuan bersalah' defendan pertama hingga kelima tersebut, persoalan seterusnya, adakah keterangan SP3 sendiri dan keterangan pegawai perubatan (SP2 dan SP9) mencukupi bagi membuktikan dakwaan/tuntutan beliau? Adakah keterangan yang dikemukakan oleh plaintif pertama (SP3) dan pegawai perubatan (SP2 dan SP9) menyokong dakwaan plaintif tentang serangan dan pukulan yang didakwa oleh beliau?

[51] Setelah diteliti dan dipertimbangkan keterangan tersebut, kami mendapati keterangan SP2 dan SP9 tersebut adalah tidak mencukupi dan tidak menyokong dakwaan plaintif pertama (SP3) tentang serangan dan pukulan oleh defendan pertama hingga kelima. Kami mendapati keterangan perubatan (SP2 dan SP9) adalah bercanggah dan tidak selari (inconsistent) dengan keterangan plaintif sendiri.

[52] Plaintif (SP3) mendakwa beliau telah ditumbuk, ditendang, disiku dan ditampar secara fizikal dan secara bersama dan bergilir-gilir oleh defendan pertama hingga kelima dari jam 10.40 malam 26 April 2015 hingga 2 pagi 27 April 2015 (perenggan 15 pernyataan tuntutan dirujuk). Namun, pegawai perubatan (SP9) yang memeriksa plaintif pertama pada hari yang sama, mendapati plaintif pertama hanya cedera pada bahagian telinga sahaja. Tiada kecederaan lain dikesan oleh beliau pada badan plaintif pertama. Keterangan pegawai perubatan Dr Azrahayu (SP2) dan laporan perubatan (eksh. "P29") juga mengesahkan bahawa selain kecederaan pada telinga, tiada sebarang kesan lebam pada mana-mana bahagian tubuh plaintif.

[53] Pada hemat kami, sekiranya betul beliau telah diserang dan dipukul sepertimana yang didakwa di perenggan 15 pernyataan tuntutan, sudah tentu akan ada kesan pada bahagian badan beliau, memandangkan tempoh masa pemeriksaan oleh SP9 adalah tidak lama selepas kejadian yang didakwa. Dalam keadaan tersebut, kami mendapati keterangan perubatan (SP9 dan juga SP2) tidak menyokong/membantu beliau.

[54] Kami juga menimbang kemungkinan bahawa perbuatan serangan dan pukulan seperti yang didakwa mungkin berlaku walaupun tiada kecederaan pada tubuh badan plaintif pertama dikesan oleh doktor (SP9) yang memeriksa. Untuk itu, pada hemat kami, saksi yang boleh menyokong beliau adalah ketua pengawas dan penolong ketua pengawas. Kewujudan dan peranan kedua-dua mereka tersebut diplidkan dengan jelas dalam pliding plaintif (perenggan 14 pernyataan tuntutan dirujuk).

[55] Namun, ketua pengawas dan penolong ketua pengawas tidak dipanggil sebagai saksi. Kegagalan memanggil mereka berdua tersebut membawa kita kepada dua isu yang seterusnya iaitu:

A Isu (ii):

Siapakah yang sepatutnya memanggil ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas sebagai saksi – plaintif atau defendan?

Isu (iii):

B Adakah anggapan bertentangan (adversed inference) di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap defendan-defendan?

[56] Kedua-dua isu di atas melibatkan kesemua defendan. YA Hakim memutuskan beban untuk memanggil saksi (ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas) terletak pada defendan-defendan dan
C memandangkan mereka gagal berbuat demikian, anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap mereka.

[57] Dengan hormatnya, atas fakta dan keadaan kes ini, kami mendapati YA Hakim telah terkhilaf dan tersalah arah dalam mengguna pakai s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap defendan. Ini adalah kerana undang-undang
D adalah jelas dan mantap bahawa beban membuktikan tuntutan terletak di atas plaintif dan bukan di atas defendan untuk menyangkal.

[58] Diperenggan 14 pernyataan tuntutan dan dalam kenyataan saksi plaintif pertama (SP3) pada soalan dan jawapan nombor 31 dan 32, plaintif pertama mendakwa semasa kejadian serangan, pukulan dan buli oleh
E defendan pertama hingga kelima, ketua pengawas dan penolong ketua pengawas melihat apa yang berlaku tetapi gagal untuk menghalang perbuatan defendan pertama hingga kelima tersebut.

[59] Walaupun kesemua defendan pertama hingga kelima mengakui berada
F di bilik ketua pengawas, mereka menafikan telah menyerang dan memukul plaintif pertama. Maka, dalam keadaan tersebut, pada hemat kami, beban terletak ke atas bahu plaintif untuk memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas untuk membuktikan dakwaan beliau.

[60] Sebagai pihak yang membuat dakwaan (the alleging party) beban
G terletak ke atas beliau untuk membawa bukti/keterangan bagi menyokong dakwaan/alegasi yang dibuat. Beban bagi mengemukakan keterangan (evidential burden) hanya berpindah kepada defendan setelah keterangan *prima facie* dibuktikan. Selagi dakwaan tersebut tidak dibuktikan, (sepertimana yang berlaku dalam kes ini) beban keterangan (evidential
H burden) kekal terletak di pihak yang membuat dakwaan/alegasi. Tiada beban ke atas defendan untuk mencari dan mengemukakan keterangan/bukti untuk menyangkal dakwaan tersebut, selagi 'evidential burden' tidak dilepaskan oleh plaintif.

[61] Pada hemat kami, dalam keadaan keterangan satu lawan satu, pihak
I yang sepatutnya memanggil ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas sebagai saksi untuk menyokong dakwaan beliau adalah plaintif.

Beban terletak di atas plaintif pertama dan bukannya defendan pertama hingga kelima, untuk memangggil kerana beliaulah yang memplidkan berhubung kehadiran dan peranan 'saksi' tersebut.

[62] Kami mendapati dalam kes ini, selain plidings dan keterangan plaintif pertama sendiri, tiada bukti sokongan lain dikemukakan. YA Hakim bagaimanapun tetap menerima keterangan plaintif pertama (SP3) berhubung serangan tersebut dan memutuskan bahawa beban pembuktian terletak di atas bahu defendan-defendan. Kami mendapati YA Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dalam mengguna pakai anggapan bertentangan terhadap defendan pertama hingga kelima dan bukannya terhadap plaintif pertama. Dalam keadaan tersebut, kami mendapati YA Hakim telah terkhilaf dan tersalah arah (misdirected) kerana dapatan tersebut bertentangan dengan keterangan dikemukakan.

[63] Setelah menimbang keseluruhan keterangan beliau, kami mendapati atas imbangan kebarangkalian, plaintif gagal membuktikan tuntutan/dakwaan beliau. Kami mendapati defendan pertama hingga kelima berjaya menunjukkan bahawa YA Hakim telah melakukan satu 'appellable error' untuk mewajarkan kami mengusik dan memperbetulkan dapatan dan keputusan beliau tersebut. Atas alasan tersebut di atas, kami membenarkan rayuan defendan pertama hingga kelima berhubung liabiliti.

Liabiliti Defendan Keenam Hingga Kesembilan

[64] Berhubung defendan keenam hingga kesembilan pula, YA Hakim membuat dapatan berikut:

(i) ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas adalah wakil pihak pentadbiran SESMA, khususnya, defendan keenam dan ketujuh. Oleh itu, defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab atas apa yang berlaku di dalam bilik ketua pengawas pada masa dan tarikh kejadian yang didakwa (perenggan 21 alasan penghakiman dirujuk);

(ii) defendan keenam dan ketujuh gagal memanggil mereka (ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas) sebagai saksi mereka. Atas kegagalan tersebut mahkamah mengguna pakai "adverse inference" di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap mereka (perenggan 21 alasan penghakiman dirujuk);

(iii) defendan keenam hingga kelapan yang mempunyai tanggungjawab berhati-hati (duty of care) untuk keselamatan plaintif pertama sebagai pelajar di SESMA tetapi mereka gagal melaksanakan tanggungjawab/tugas tersebut dan dengan cuai telah melanggar tugas/tanggungjawab tersebut;

(iv) defendan kelapan sebagai majikan dan prinsipal kepada defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab ke atas hal ehwal pelajar di SESMA. Oleh itu defendan kelapan bertanggungjawab secara vikarius terhadap pelanggaran kewajipan (duty of care) oleh defendan keenam dan ketujuh (perenggan 22, 24 dan 27 alasan penghakiman dirujuk); dan

(v) defendan kesembilan bertanggungjawab secara vikarius terhadap perbuatan dan tindakan defendan pertama hingga kelima dan terhadap tindakan defendan keenam hingga kelapan berdasarkan s. 5 dan s. 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 (perenggan 31 alasan penghakiman dirujuk).

[65] Dapatan YA Hakim (i) dan (ii) di atas adalah berkaitan.

[66] Memandangkan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas didakwa turut bersubahat mencederakan plaintif pertama (perenggan 6(a) dan (g) "jawapan pembelaan kepada pembelaan defendan-defendan keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan" plaintif bertarikh 4 Julai 2017 dirujuk) maka, pada hemat kami, mereka berdua sepatutnya dijadikan pihak iaitu, defendan dalam guaman ini. Sehubungan dengan itu, kami mendapati YA Hakim terkhilaf dalam dapatan/keputusan beliau di perenggan 60 dan 61 di atas.

[67] Kewujudan dan peranan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas dalam kes ini diplid dan ditimbulkan oleh plaintif. Maka, dalam keadaan tersebut, beban terletak di atas bahu plaintif untuk memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas untuk membuktikan dakwaan beliau. Oleh itu, pemakaian anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap defendan keenam dan ketujuh, pada hemat kami, ianya adalah jelas salah.

Isu (iv):

Adakah ketua pengawas dan penolong ketua pengawas merupakan wakil pihak pentadbiran khususnya, defendan keenam dan ketujuh?

Isu (v):

Adakah tanggungjawab defendan keenam dan ketujuh bersambungan dengan tanggungjawab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas?

[68] PKP berhujah YA Hakim terkhilaf dalam memutuskan tanggungjawab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah bersambungan dengan tugas guru.

[69] Setelah kami menimbang keterangan berkaitan isu tersebut, kami bersetuju dengan hujahan PKP bahawa tiada sebarang keterangan dikemukakan oleh plaintif bagi membuktikan tanggungjawab seorang ketua pengawas adalah bersambungan dengan tugas defendan keenam dan/atau defendan ketujuh. Tiada keterangan dikemukakan oleh plaintif bagi membuktikan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas merupakan wakil pentadbiran sekolah sepertimana yang diplidkan.

[70] Pada hemat kami, dapatan oleh YA Hakim di atas adalah terkhilaf dan tersasar daripada pliding plaintif sendiri di mana plaintif tidak pernah memplidkan di mana-mana sama ada dalam pernyataan tuntutan mahupun dalam jawapan pembelaan kepada pernyataan pembelaan defendan-defendan, bahawa penolong ketua pengawas adalah wakil pihak pentadbiran SESMA. Perkara/fakta tersebut hanya ditimbulkan dalam hujahan peguam terpelajar plaintif.

[71] Dapatan bahawa tanggungjawab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pentadbiran sekolah dan bersambungan dengan tugas guru, dibuat tanpa asas. Dalam keadaan tersebut di atas, kami mendapati YA Hakim terkhilaf dalam dapatan beliau.

Isu (vi):

> Adakah defendan keenam dan ketujuh bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan dan perlanggaran defendan pertama hingga kelima?

Isu (vii):

> Adakah defendan kelapan dan kesembilan bertanggungjawab secara vikarius terhadap kecuaian/perlanggaran defendan keenam hingga ketujuh?

[72] Isu-isu di atas diputuskan bersekali kerana ianya adalah berkaitan.

[73] YA Hakim mendapati defendan keenam dan ketujuh sebagai guru sekolah adalah berkewajipan untuk mengawal selia (to supervise) murid semasa mereka berada dalam premis sekolah. Mereka berkewajipan untuk mengambil tindakan bagi memastikan tindakan murid berkenaan adalah selamat (kes *Mohd Raihan Ibrahim & Anor v. The Government of Malaysia & Ors* [1982] CLJ 150; [1982] CLJ (Rep) 232; [1980] 1 MLRA 10 dan *Nurul Atikah Mustafa Kamal v. Nurazlina Suriani Zulkifly & Ors* [2019] 9 CLJ 395; [2019] MLRH 393 dirujuk).

[74] YA Hakim mendapati SD13, iaitu guru dan warden sekolah, gagal memeriksa dalam bilik ketua pengawas pada malam kejadian. Menurut YA Hakim, ketinggalan/kegagalan tersebut merupakan satu perlanggaran tanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan hal ehwal plaintif pertama dan ekoran daripada perlanggaran tersebut, plaintif pertama telah dicederakan oleh defendan pertama hingga kelima.

[75] YA Hakim mendapati ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah wakil pihak pentadbiran SESMA, khususnya kepada defendan keenam dan ketujuh. YA Hakim mendapati ketua pengawas dan penolong ketua pengawas telah bersubahat dalam kejadian serangan dan buli oleh defendan pertama hingga kelima. YA Hakim mendapati defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab ke atas serangan dan buli yang dilakukan oleh

defendan pertama hingga kelima kerana tanggungjawab ketua pengawas dan penolong ketua pengawas adalah bersambungan dengan tugas guru (perenggan 19 alasan penghakiman (kandungan 18) dirujuk).

[76] Dalam keadaan tersebut, YA Hakim mendapati SD14 (defendan keenam) dan SD16 (defendan ketujuh) masing-masing sebagai PKHEM dan pengetua Sekolah SESMA bertanggungjawab terhadap kegagalan/ perlanggaran ketua pengawas dan/atau penolong ketua pengawas (perenggan 22, 23 dan 24 alasan penghakiman dirujuk).

[77] Berkaitan isu tersebut, PKP mendakwa YA Hakim gagal memberikan pertimbangan yang sepatutnya dan yang sewajarnya kepada fakta dan keadaan kes ini. PKP berhujah YA Hakim gagal dan terkhilaf dalam dapatan/keputusan beliau berhubung ujian pralihat (foreseeability test). defendan keenam hingga kesembilan memanggil seramai 11 orang saksi yang memberikan keterangan tentang peraturan dan langkah-langkah yang munasabah dan wajar (reasonable and proper steps) telah diambil oleh Sekolah SESMA bagi mengawal dan menyelia keselamatan dan hal ehwal pelajar.

[78] Dalam kes *Mohd Raihan Ibrahim* (*supra*), Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa seorang guru sekolah adalah berkewajipan untuk mengambil tindakan bagi memastikan tindakan murid berkenaan adalah selamat. Tahap penyeliaan bergantung kepada keadaan dan fakta setiap kes.

[79] Berdasarkan keputusan kes *Mohd Raihan Ibrahim* (*supra*) yang dirujuk, adalah tidak dipertikaikan bahawa defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab dan berkewajipan mengawal selia pelajar sekolah SESMA semasa mereka berada di sekolah tersebut. Namun, sepertimana yang diputuskan, tahap seliaan tersebut adalah bergantung kepada keadaan setiap kes.

[80] Berdasarkan kepada nota keterangan dan alasan penghakiman YA Hakim, kami bersetuju dengan hujahan PKP di atas. Kami mendapati, selain mendapati warden (SP13) yang cuai kerana tidak memeriksa dalam bilik ketua pengawas (perenggan 22 alasan penghakiman – kandungan 18), YA Hakim langsung tidak menyentuh tentang fakta lain khususnya fakta tentang peraturan dan amalan sekolah SESMA bagi menjaga dan mengawal disiplin pelajar mereka. Dalam alasan penghakiman beliau, YA Hakim juga tidak menyentuh fakta bahawa kejadian yang didakwa berlaku dalam bilik ketua pengawas, semasa "lights off" dan semasa waktu tidur semua pelajar. YA Hakim juga tidak mengambil kira bahawa tiada bunyi bising, tiada jeritan oleh plaintif sepanjang kejadian malam kejadian, yang boleh menarik perhatian orang. YA Hakim tidak mengambil kira tiada kejadian yang mencurigakan terjadi pada malam tersebut. Kesemua fakta tersebut sepatutnya dipertimbangkan oleh YA Hakim bagi membolehkan beliau

memutuskan sama ada kejadian serangan/pukul/buli yang didakwa tersebut merupakan sesuatu tidak boleh dijangka berlaku dan dapat dipralihat dengan munasabah (reasonably foreseeable).

[81] YA Hakim merumuskan kejadian serangan ke atas plaintif pertama dapat dipralihat oleh defendan keenam dan ketujuh kerana kejadian tersebut berlaku dalam bilik ketua pengawas (perenggan 18 alasan penghakiman dirujuk). Dengan hormatnya kami tidak menerima dapatan tersebut. Pada hemat kami, antara tempat terakhir di sebuah sekolah yang akan dijangka berlakunya perbuatan/kegiatan salah adalah di dalam bilik pengawas. Seorang pengawas adalah sinonim dengan individu berkelakuan baik, berdisiplin dan bertanggungjawab. Oleh itu, dalam keadaan biasa di mana tiada perkara mencurigakan dapat dilihat/dikesan, maka pada hemat kami adalah suatu yang tidak munasabah bagi D13 atau mana-mana guru/warden untuk masuk memeriksa bilik ketua pengawas tanpa bersebab. Kami merujuk kes *Government Of Malaysia & Ors v. Jumat Mahmud & Anor* (*supra*) di mana dalam mengguna pakai prinsip kes *The Wagon Mount*, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa:

> ... Since that case, the principle that the damages must not only be caused by the wrongful act, but must be damage of a class or character reasonably foreseeable as a possible result of that act is now firmly established. **There must be testimony from which it is a logical and reasonable inference, and not mere speculation or conjecture**, that the school teachers's act contributed to the injury.
>
> (emphasis added)

[82] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan alasan penghakiman YA Hakim, kami mendapati bahawa YA Hakim gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada keterangan saksi defendan-defendan iaitu, SD11, SD12 dan SD14. Kami mendapati YA Hakim gagal untuk memberikan pertimbangan bahawa kejadian yang berlaku adalah suatu yang tidak dapat dipralihat dengan munasabah (reasonably unforeseeable) oleh defendan keenam dan ketujuh. Dalam kes *CGU Insurance Bhd v. Asean Security Paper Mills Sdn Bhd* [2006] 2 CLJ 409; [2006] 3 MLJ 1 Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

> [79] ... where there is no judicial appreciation of the evidence of a witness – then an appellate court may intervene on ground that the trial judge 'has not taken proper advantage of his having seen and heard the witnesses' (per Lord Thankerton in *Watt v. Thomas* [1947] AC 484 of evidence objectively and from all angles' (*Gooi Loo Seng v. Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137. This, we are satisfied, is what happened here.

[83] Pada hemat kami adalah suatu yang tidak munasabah dan tidak logik untuk merumuskan dan memutuskan bahawa kejadian serangan ke atas plaintif pertama dapat dipralihat oleh defendan keenam dan ketujuh kerana

kejadian tersebut berlaku di dalam bilik ketua pengawas. Oleh itu, kami mendapati plaintif gagal membuktikan tugas/tanggungjawab berhati-hati (duty of care) terhadap plaintif pertama.

[84] Sekiranya plaintif berjaya membuktikan kecederaan yang beliau alami adalah akibat daripada serangan dan pukulan oleh defendan pertama hingga kelima sekalipun, berdasarkan kepada peruntukan ss. 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956, adalah jelas defendan kelapan dan kesembilan tidak boleh dipertanggungjawabkan secara vikarius ke atas perbuatan defendan pertama hingga kelima yang bukan merupakan penjawat awam di bawah Akta tersebut. Atas alasan tersebut, tuntutan plaintif terhadap defendan keenam hingga kesembilan seharusnya ditolak.

Isu (viii):

Adakah anggapan bertentangan (adverse inference) patut diguna pakai terhadap defendan keenam hingga kesembilan?

[85] Isu ini adalah sama dengan isu (ii) yang telah dibincangkan dan dijawab oleh kami bagi defendan pertama hingga kelima di atas sebelum ini. Atas dapatan sama/serupa pada hemat kami, beban untuk memanggil saksi berkenaan terletak pada plaintif dan bukannya defendan keenam hingga kesembilan, kami mendapati YA Hakim telah terkhilaf dalam penggunaan peruntukan s. 114(g) terhadap defendan keenam hingga kesembilan.

[86] YA Hakim mendapati bahawa defendan keenam dan ketujuh mempunyai tanggungjawab berhati-hati (duty of care) ke atas keselamatan pelajar di Sekolah SESMA serta di asrama. YA Hakim mendapati defendan keenam dan ketujuh telah dengan cuai melanggar tugas/tanggungjawab tersebut. Menurut YA Hakim, defendan kelapan sebagai majikan dan prinsipal kepada defendan keenam dan ketujuh turut bertanggungjawab terhadap keselamatan dan hal ehwal pelajar di Sekolah SESMA. Oleh itu, defendan kelapan bertanggungjawab secara "vikarius" terhadap pelanggaran kewajipan (duty of care) oleh defendan keenam dan ketujuh (perenggan 22, 24 dan 27 alasan penghakiman dirujuk).

[87] Memandangkan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas didakwa turut bersubahat mencederakan plaintif pertama (perenggan 6(a) dan (g) "jawapan pembelaan kepada pembelaan defendan-defendan keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan" plaintif bertarikh 4 Julai 2017 dirujuk) maka, pada hemat kami, mereka berdua sepatutnya dijadikan pihak iaitu, defendan dalam guaman ini. Sehubungan dengan itu, kami mendapati YA Hakim terkhilaf dalam dapatan/keputusan beliau di perenggan 70 dan 71 di atas.

[88] Kewujudan dan peranan ketua pengawas dan penolong ketua pengawas dalam kes ini diplid dan ditimbulkan oleh plaintif. Maka, dalam keadaan tersebut, beban terletak ke atas bahu plaintif untuk memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas untuk membuktikan dakwaan beliau. Oleh itu, pemakaian anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap defendan keenam dan ketujuh, pada hemat kami, ianya adalah jelas salah.

[89] Setelah menimbang keseluruhan keterangan berkaitan isu diatas, kami mendapati atas imbangan kebarangkalian, sepertimana juga bagi defendan pertama hingga kelima, plaintif gagal membuktikan tuntutan/dakwaan beliau terhadap defendan keenam hingga kesembilan. Kami mendapati defendan keenam hingga kesembilan berjaya menunjukkan bahawa YA Hakim telah melakukan satu 'appellable error' untuk mewajarkan kami mengusik dan memperbetulkan dapatan dan keputusan beliau tersebut. Atas alasan tersebut di atas, kami membenarkan rayuan defendan keenam hingga kesembilan berhubung liabiliti.

Keputusan Mahkamah Berhubung Ganti Rugi Dan Kuantum

[90] Sekiranya, liabiliti terhadap defendan-defendan berjaya dibuktikan, kami mendapati sepertimana berikut:

(i) Kos Alat Pendengaran

[91] Bagi kos alat pendengaran, kami membenarkan rayuan defendan. Fakta bahawa plaintif telah mengalami kecederaan gegendang telinga adalah tidak dipertikaikan. Cuma, PKP/peguam defendan mendakwa tiada bukti beliau memerlukan alat bantuan pendengaran tersebut. Secara alternate PKP/peguam defendan mengatakan jumlah award tersebut adalah terlampau tinggi (manifestly excessive). Pada hemat kami, dengan kecederaan yang dialami, plaintif besar kemungkinan akan memerlukan alat pendengaran. Namun, kami bersetuju dengan PKP bahawa jumlah RM252,000 yang dibenarkan tidak disokong dengan keterangan yang jitu. Oleh itu, kami mengetepikan jumlah award YA Hakim berjumlah RM252,000 dan menggantikan award berjumlah RM84,000 iaitu, 1/3 daripada jumlah yang dituntut setelah ambil kira faktor contingency.

(ii) Ganti Rugi Am Trauma Dan Tekanan Perasaan

[92] Bagi tuntutan ini, YA Hakim membenarkan sejumlah RM100,000 kepada plaintif pertama. Kami bersetuju dengan hujahan PKP yang menyatakan bahawa ganti rugi bagi 'kecederaan' di atas gagal dibuktikan. Plaintif hanya mendapat kaunseling dan bukan rawatan psikiatri. Laporan dan pemeriksaan menunjukkan keadaan mental plaintif adalah normal. Pada hemat kami, YA Hakim telah terkhilaf. Keputusan/dapatan beliau adalah bertentangan dengan keterangan. Oleh itu, award yang diberikan adalah diketepikan.

(iii) Ganti Rugi Am Bagi Kecederaan Muka (Rahang)

[93] YA Hakim membenarkan ganti rugi kecederaan muka (rahang) berjumlah RM20,000. Kami bersetuju dengan hujahan PKP bahawa tiada keterangan kecederaan tersebut dikemukakan. Keterangan kecederaan pada bahagian muka yang dikemukakan hanyalah telinga, yang mana sejumlah RM50,000 telah diawardkan. PKP berhujah seandainya ganti rugi bagi kecederaan rahang boleh diberikan, jumlahnya tidak sepatutnya melebihi RM5,000. Atas hujahan PKP tersebut, kami award kan sejumlah RM5,000 untuk kecederaan rahang dan mengenepikan award RM20,000 yang diawardkan.

(iv) Ganti Rugi Teladan

[94] Bagi ganti rugi teladan sejumlah award RM120,000 dibenarkan oleh YA Hakim. Peguam plaintif merayu balas, menuntut RM500,000 diberikan. PKP berhujah, YA Hakim telah khilaf dalam membenarkan tuntutan tersebut dan sepatutnya ia ditolak. Kami bersetuju dengan PKP/peguam defendan. Kami dapati tuntutan ini gagal dibuktikan. Oleh itu, award bagi ganti rugi tersebut adalah diketepikan.

(v) Ganti Rugi Teruk

[95] Bagi ganti rugi teruk, peguam plaintif merayu balas dan berhujah bahawa YA Hakim telah khilaf dalam menolak tuntutan tersebut dan memohon supaya jumlah RM1,000,000 yang dituntut dibenarkan. Setelah menimbang fakta berhubung tuntutan di atas, kami juga bersetuju dengan hujahan PKP/peguam defendan di sini. Kami mendapati tiada bukti terdapat tindakan menindas (oppressive), 'arbitrary' atau 'unconstitutional' atau 'outrages conduct' di pihak defendan keenam dan ketujuh (kes *Rookes v. Barnard & Others* [1964] AC 1129 dirujuk). Kami mendapati YA Hakim telah mengambil kira faktor yang salah iaitu, tindakan oleh Sekolah SESMA selepas kejadian iaitu, mengantung dan membuang sekolah defendan yang terlibat bagi membenarkan ganti rugi teladan dan teruk. Oleh itu, rayuan balas plaintif untuk menambah jumlah award bagi ganti rugi teladan dan juga untuk diawardkan ganti rugi teruk (aggravated damages) yang ditolak oleh YA Hakim adalah tidak bermerit. Dengan itu, rayuan balas berhubung award tersebut ditolak.

[96] Kami mengekalkan ganti rugi khas berjumlah RM4,634.20.

Rumusan

[97] Kedudukan undang-undang adalah mantap bahawa rayuan ke Mahkamah Rayuan adalah secara bicara semula (rehearing). Seksyen 67 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan keputusan kes *Datuk Seri Panglima Mohd Sari Datuk Hj Nuar v. Vee Seng Development Sdn Bhd* (*supra*), antara lain dirujuk.

[98] Bertindak selaras dengan prinsip tersebut, setelah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan sepertimana dalam rekod rayuan dan setelah menimbang hujahan lisan dan bertulis peguam dan Peguam Kanan Persekutuan (PKP) bagi kesemua pihak, kami secara sebulat suara, mendapati terdapat merit pada rayuan defendan-defendan. Kami mendapati bahawa keputusan YA Hakim ternyata telah khilaf yang mewajarkan campur tangan kami. Dengan itu, kami membenarkan rayuan Rayuan No. 594 dan Rayuan No. 603 dengan kos. Susulan itu, keputusan dan perintah YA Hakim Mahkamah Tinggi bertarikh 29 September 2019 diketepikan.

[99] Berhubung rayuan balas plaintif, kami mendapati ianya tiada merit. Oleh itu, rayuan balas plaintif adalah ditolak dengan kos.

[100] Berhubung kos, kami membenarkan kos sebanyak RM15,000 kepada setiap perayu (defendan-defendan) tertakluk kepada alokatur, kecuali defendan keenam hingga kesembilan yang tidak tertakluk kepada pembayaran alokatur.